

# Malaysia boleh

UM 13 MAY 2002

Oleh KHALID MOHD

(Di Washington, Amerika Syarikat)

**A**KHIRNYA Washington sedar bahawa Dr. Mahathir Mohamad bukan apa yang digambarkan oleh musuh-musuhnya di dalam dan di luar negara.

Akhirnya Washington sedar bahawa kerajaan Malaysia boleh diharapkan dan boleh dijadikan kawan ketika susah dan ketika senang.

Yang lebih **mustahak**, Washington sedar beberapa tanggapannya terhadap Malaysia serta kepimpinan Dr. Mahathir sebelum ini adalah silap. Malaysia bukan anti-Amerika.

Juga, mereka tentu sedar betapa Dr. Mahathir begitu konsisten dalam pendiriannya terhadap isu-isu semasa yang melibatkan hubungan dengan Amerika Syarikat terutama sekali masalah **keganasan** serta usaha memeranginya.

Sikap dan pandangan yang berubah terhadap Malaysia berlaku setelah pentadbiran Amerika bertukar daripada Bill Clinton kepada George W. Bush dan ekor an peristiwa 11 September. Ia mengambil arah baru setelah pertemuan Bush dengan Dr. Mahathir di Shanghai Oktober lalu semasa mereka sama-sama menghadiri mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Penolong Setiausaha Negara Amerika Bagi Asia Timur, James Kelly dilaporkan berkata, Bush kagum dengan Dr. Mahathir dan menyifatkan pertemuan pertama mereka itu sebagai **memberangsangkan**.

Dr. Mahathir seterusnya telah memperlihatkan kesederhanaan "Malaysia dengan mengambil pendirian yang begitu pragmatik dalam isu Palestin dan keganasan. Yang paling membuka mata ialah pendiriannya bahawa serangan ke atas orang awam, biar atas alasan apa sekalipun, adalah keganasan dan tidak boleh diterima.

Perdana Menteri jelas merujuk kepada tindakan-tindakan berani mati yang dilakukan oleh rakyat Palestin terhadap rakyat Israel. Pendirian ini yang ditegaskannya pada mesyuarat peringkat menteri Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Kuala Lumpur baru-baru ini sesungguhnya adalah suatu yang berani yang dibuat di hadapan para pemimpin dunia Islam.

Kenyataan berani itu mendapat perhatian Amerika dan memperkukuhkan imejnya sebagai suara sederhana Islam. Pun begitu, Amerika juga tahu bahawa Dr. Mahathir bukanlah seorang yang akan bertolak-ansur dalam mempertahankan Islam sebagai agama progresif yang menyeru kepada keamanan. Dan beliau juga tidak akan mencampakkan rasa bebasnya untuk bersuara.

Sikap seorang pemimpin realistik yang ditunjukkan oleh Dr. Mahathir di Forum Ekonomi Dunia di New York Februari lalu juga mendapat perhatian. Semua ini me-

nyedarkan Amerika Syarikat bahawa Malaysia bukan apa yang disangkalannya.

Malaysia juga bukan sarang pengganas. Malah, Malaysia adalah antara yang mula-mula sekali bertindak ke atas golongan yang ternyata memiliki kecenderungan menjadi ganas meskipun langkah itu mendapat kritikan dari dalam dan luar negara.

Konsistensi ini akhirnya membawa hasil. Tiada siapa boleh membentak lagi tindakan-tindakan tegas yang terpaksa diambil menggunakan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) bagi menyekat kemunculan gerakan militan.

## Pencegahan

Tindakan menahan anak Mursyidul Am Pas di bawah ISA, sebagai contoh, merupakan salah satu bukti kerajaan Malaysia sedia mengambil risiko dari segi sokongan politik demi kepentingan lebih besar.

Kejadian mengedemikan tempat awam dan kenderaan orang ramai seperti yang sudah berlaku di Indonesia dan mula berlaku di Pakistan, sekali lagi membuktikan betapa undang-undang pencegahan menjadi semakin perlu supaya kita semua boleh tidur lena.

Setelah apa yang dilaluinya pada 11 September, tentunya Amerika Syarikat akan lebih memahami keperluan undang-undang seperti ISA dengan syarat ia tidak disalahgunakan. Kita boleh bercakap tentang hak asa-

si manusia hingga ke subuh, tetapi bila kita sudah takut menaiki bas atau memasuki pasar raya dan panggung wayang, hak asasi sudah tiada makna lagi.

Perubahan sikap terhadap Malaysia juga berubah hasil usaha kerajaan sendiri yang membawa anggota Kongres dan pembantu-pembantu mereka ke Kuala Lumpur supaya mereka dapat melihat sendiri keadaan di Malaysia. Mungkin inilah yang patut dilakukan dari awal. Jika tidak, pihak-pihak lain yang mempunyai kepentingan tertentu akan bergerak dengan agenda mereka sendiri - memberi gambaran salah terhadap segala-galanya tentang Malaysia.

Bagi satu masa yang agak lama semasa pentadbiran Clinton, hubungan Washington-Kuala Lumpur boleh disifatkan sebagai dingin, malah buruk, pada ketika tertentu. Tidak ada langsung hubungan pada peringkat tinggi. Terdapat kebuntuan yang tidak dapat dipecahkan ketika itu.

Bagaimanapun semua itu sedang cepat berubah. Setakat ini Menteri Luar, Syed Hamid Albar sudah pun bertemu dengan Setiausaha Negara Amerika, Colin Powell. Menteri Pertahanan, Najib Razak juga diberi sambutan mesra semasa beliau berada di Washington minggu lalu.

Ternyata, pentadbiran Bush mahu melupakan yang telah lalu dan ingin membuka lembaran baru. Sebenarnya, kedua-dua negara tidak mempunyai banyak pilihan me-

# diharapkan

lainkan terbaik-baik semula.

Amerika Syarikat merupakan pasaran terbesar bagi barangan keluaran Malaysia. Amerika juga merupakan pelabur terbesar di Malaysia.

Dari segi politik, Malaysia, sebagai sebuah negara Islam di rantau Asia berada dalam keadaan cukup stabil dan akan berguna sebagai rakan.

Bertolak daripada senario ini, lawatan Dr. Mahathir ke Amerika Syarikat dari 13 hingga 15 Mei ini boleh dilihat sebagai langkah baru yang akan menutup kisah lama.

Menurut laporan dari Washington, Bush ingin mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri di atas pendirian serta sumbangan Malaysia selepas 11 September.

Lagipun, pada tahun depan Dr. Mahathir akan menjadi pengerusi kepada dua pertubuhan besar iaitu Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM).

Tentunya beliau akan berada dalam kedudukan untuk memainkan peranan lebih berkesan di arena antarabangsa dalam membantu menangani pergolakan serta isu semasa dunia.

## Islam sederhana

Sekarang ini pun dunia menerima Dr. Mahathir sebagai seorang pemimpin Islam yang sederhana dan boleh diharapkan dan seorang yang ada baiknya bagi Amerika menjadikan kawan.

Ini suatu yang membanggakan kerana Indonesia dengan 210 juta penduduk yang sebahagian besarnya Islam berada dalam keadaan kucar-kacir dan tidak dapat memainkan peranan dari segi kepimpinan Islam di peringkat antarabangsa.

Sebagai Pengerusi OIC nanti, Perdana Menteri akan mempunyai akses kepada pemimpin-pemimpin Islam dunia yang menghormatinya, tapi mempunyai masalah dengan Amerika seperti Presiden Libya dan Presiden Iraq.

Satu lagi faktor penting dengan lawatan Perdana Menteri ke Washington ialah walaupun Malaysia sebuah negara yang masih membangun, tujuan lawatan tidak sekali-kali untuk mendapatkan bantuan seperti sesetengah negara lain.

Dr. Mahathir akan pergi sebagai pemimpin sebuah negara Islam kecil yang berjaya dan perlu dihormati.

Juga, lawatan beliau tidak boleh dilihat dari perspektif atau kepentingan Malaysia semata-mata. Melibatnya semata-mata dari segi apa yang kita boleh peroleh untuk diri sendiri adalah pandangan sempit.

Perdana Menteri melangkah ke Washington kali ini bukan hanya sebagai pemimpin Malaysia, tetapi sebagai pemimpin yang semakin berpengaruh dalam dunia Islam.

Lebih daripada itu, beliau dilihat oleh Amerika dan Barat sebagai pendukung utama Islam sederhana, menjadikan beliau sekutu penting dalam perang terhadap keganasan.

Perlu diingat, Dr. Mahathir bukan sahaja begitu cepat mengutuk serangan 11 September, tetapi juga cepat dalam menunjukkan bahawa tindak balas menggunakan kekerasan tentera semata-mata tidak akan membawa kemenangan dalam perang terhadap keganasan. Beliau percaya bahawa semua itu perlu disusuli dengan usaha bersungguh-sungguh untuk mengenal pasti punca manusia bertindak ganas dan menyelesaikan punca itu dari pangkalnya.

Sungguhpun mengutuk serangan 11 September, Dr. Mahathir juga menentang dengan kuat serangan yang dipimpin oleh Amerika ke atas Afghanistan. Ini dinyatakan semasa berjumpa Bush di Shanghai dan Bush memahaminya.

Perdana Menteri juga tetap berpegang kepada kepercayaan bahawa tindakan tentera cara Amerika untuk memerangi keganasan akan menjadi sia-sia jika tidak disertakan dengan usaha diplomatik dan politik untuk menghurai punca sebenar masalah. Beliau berulang kali menyatakan bahawa Amerika menghadapi babaya memencilkan lebih banyak negara Islam jika ia melaksanakan ancaman memperluaskan perang terhadap keganasan meliputi Iraq.

Mesej ini sudah tentu akan diulanginya bagi pihak negara-negara Islam semasa berada di Washington, bukan sekadar mesej dari Malaysia. Tentunya Bush sendiri berminat untuk mendengar daripada Dr. Mahathir bagaimana perang ke atas keganasan boleh dibuat supaya menjadi lebih berkesan tanpa meminggir atau mencetuskan kemarahan umat Islam dunia.

Sementara ada yang melihat beliau sebagai terlalu berterus-terang, Dr. Mahathir telah menunjukkan kemampuannya melihat isu-isu dunia dari sudut pandangan yang lebih luas. Kemampuannya melihat gambaran yang lebih besar dalam perang terhadap keganasan menunjukkan bahawa pandangannya tidaklah semata-mata pandangan Malaysia tetapi turut merupakan pandangan umat Islam sederhana dunia.

Sedang kita mungkin lebih sering mendengar kemarahannya terhadap Barat, Dr. Mahathir juga tidak menyembunyikan perasaannya terhadap umat Islam dan negara Arab kerana membiarkan dii, negara dan agama mereka terus mundur.

Kritik pedasnya di Persidangan OIC di hadapan para pemimpin Islam termasuk yang dianggap sebagai paksi kejahatan oleh Amerika, menunjukkan pendirian dan sikapnya cukup berimbang.

Bila sampai di Washington, Dr. Mahathir boleh berdiri megah untuk Malaysia dan untuk dunia Islam.